

D.R. 24/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan
Wilayah Pulau Pinang 1983.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan
Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa
daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Kemajuan
Wilayah Pulau Pinang (Pindaan) 1996. Tajuk
ringkas.

2. Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983,
yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda
dalam seksyen 2 dengan memasukkan selepas takrif
"Negeri" takrif yang berikut: Pindaan
seksyen 2.
Akta 282.

' "pegawai perakaunan" termasuklah tiap-tiap
pegawai dan pengkhidmat yang dipertanggungkan
dengan kewajipan memungut, menerima, atau
mengakaunkan, atau yang sebenarnya memungut,
menerima atau mengakaunkan, apa-apa wang dalam
Kumpulan Wang, atau yang dipertanggungkan dengan
kewajipan membayar, atau yang sebenarnya
membayar, apa-apa wang dan tiap-tiap pegawai dan
pengkhidmat yang dipertanggungkan dengan
penerimaan, penjagaan atau pelupusan, atau

pengakaunan, apa-apa barang simpanan dan harta Lembaga atau yang sebenarnya menerima, memegang atau melupuskan barang simpanan dan harta itu;'

Seksyen
baru 17A,
17B, 17c,
17D, 17E, 17F,
17G dan 17H.

3. Akta ini adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 17 seksyen yang berikut:

"Jawatan-
kuasa
tatatertib.

17A. (1) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa tatatertib terhadap semua pegawai dan pengkhidmatnya dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib berkenaan dengan semua orang sedemikian mengikut Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 17c.

(2) Bagi maksud seksyen ini—

(a) maka hendaklah ditubuhkan jawatankuasa tatatertib Lembaga berkenaan dengan Pengurus Besar yang terdiri daripada—

(i) Ketua Setiausaha Kementerian, yang hendaklah menjadi pengerusi jawatankuasa itu; dan

(ii) dua orang anggota Lembaga yang hendaklah dilantik oleh Lembaga; dan

(b) Lembaga boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menubuhkan jawatankuasa tatatertib yang berlainan bagi kategori berlainan pegawai atau pengkhidmat Lembaga.

(3) Yang berikut hendaklah terpakai bagi mana-mana jawatankuasa tatatertib yang ditubuhkan menurut subseksyen (2)(b):

(a) jawatankuasa itu hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan anggota Lembaga, selain daripada Pengerusi Lembaga, atau pegawai Lembaga, atau apa-apa kombinasi anggota dan pegawai itu; dan

(b) seseorang pegawai yang menjadi anggota sesuatu jawatankuasa tatatertib tidaklah boleh lebih rendah pangkatnya daripada mana-mana pegawai atau pengkhidmat yang ke atasnya jawatankuasa yang dia menjadi anggota mempunyai kuasa tatatertib.

(4) Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1)(b) hendaklah menjalankan kuasanya dalam segala perkara berhubungan dengan tatatertib pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat yang diletakkan di bawah bidang kuasanya.

(5) Pada menjalankan tugas dan kuasa tatatertibnya, sesuatu jawatankuasa tatatertib yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan apa-apa hukuman tatatertib atau apa-apa kombinasi dua hukuman tatatertib atau lebih sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan yang boleh dibuat di bawah seksyen 17c.

Rayuan terhadap keputusan jawatankuasa tatatertib.

17B. (1) Sesuatu keputusan jawatankuasa tatatertib di bawah seksyen 17A(2)(a) bolehlah dirayu kepada Menteri.

(2) Sesuatu keputusan jawatankuasa tatatertib di bawah seksyen 17A(2)(b) bolehlah dirayu kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib yang hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:

(a) Pengerusi Lembaga, yang hendaklah menjadi pengerusi Jawatankuasa Rayuan Tatatertib dan mempunyai undi pemutus; dan

(b) tiga orang anggota Lembaga, yang bukannya anggota jawatankuasa tatatertib yang keputusannya adalah hal perkara

rayuan itu, yang hendaklah dilantik oleh pengerusi Jawatankuasa Rayuan Tatatertib dengan kelulusan Lembaga bagi maksud rayuan itu.

(3) Menteri atau Jawatankuasa Rayuan Tatatertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan jawatankuasa tatatertib.

(4) Apabila Jawatankuasa Rayuan Tatatertib menimbangkan sesuatu rayuan di bawah subseksyen (2), seorang anggota jawatankuasa tatatertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat yang juga anggota Lembaga tidak boleh hadir pada atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding yang berhubungan dengan rayuan itu.

(5) Keputusan Menteri atau Jawatankuasa Rayuan Tatatertib di bawah subseksyen (3) adalah muktamad dan konklusif.

Kuasa
membuat
peraturan-
peraturan
tatatertib.

17c. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat untuk mengadakan peruntukan bagi tatatertib pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga.

(2) Peraturan-peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini—

(a) boleh mewujudkan kesalahan tatatertib;

(b) boleh mengadakan peruntukan bagi apa-apa hukuman tatatertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman itu boleh meliputi amaran, denda, pelucuthakan emolumen, penangguhan pergerakan gaji, pengurangan gaji, penurunan pangkat dan buang kerja;

- (c) hendaklah memberikan kepada orang yang terhadapnya prosiding tatatertib itu diambil peluang membuat representasi terhadap pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadapnya sebelum keputusan dicapai oleh jawatankuasa tatatertib itu kecuali dalam hal-hal yang berikut:
- (i) jika seseorang pegawai atau pengkhidmat Lembaga dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;
 - (ii) jika Lembaga, atas syor Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan hal-ehwal dalam negeri, berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suaimanfaat untuk menjalankan kehendak perenggan ini; atau
 - (iii) jika telah dibuat terhadap seseorang pegawai atau pengkhidmat Lembaga apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi, atau jika telah dikenakan terhadap pegawai atau pengkhidmat Lembaga apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya, di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau perlindungan wanita dan gadis;

- (d) boleh mengadakan peruntukan bagi penahanan kerja dengan pengurangan emolumen pegawai atau pengkhidmat Lembaga sementara menanti selesainya prosiding jenayah terhadapnya atau prosiding tatatertib terhadapnya dengan tujuan membuang kerja atau menurunkan pangkatnya; dan
- (e) boleh mengadakan peruntukan bagi penggantungan tanpa emolumen seseorang pegawai atau pengkhidmat Lembaga jika pegawai atau pengkhidmat itu telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah jenayah atau jika suatu perintah tahanan atau sekatan telah dibuat berkenaan dengan atau dikenakan terhadap pegawai atau pengkhidmat itu.

Pengenaan
surcaj.

17D. (1) Seseorang yang sedang atau telah bekerja dengan Lembaga boleh disurcaj jika ternyata kepada Lembaga bahawa orang itu—

- (a) tidak memungut apa-apa wang yang terhutang kepada Lembaga yang pemungutannya menjadi tanggungjawabnya;
- (b) adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang daripada Lembaga yang tidak sepatutnya dibuat atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau telah bertanggungjawab, secara langsung atau tak langsung, bagi apa-apa kecurahgan dalam, atau bagi pemusnahan, apa-apa wang, barang simpanan atau harta lain Lembaga;
- (d) sebagai atau semasa menjadi pegawai perakaunan, tidak menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya; atau

(e) tidak membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran wang daripada Lembaga kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana undang-undang atau di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah, sebelum orang itu disurcraj, menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut disurcraj.

(3) Jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diterima dalam masa empat belas hari dari tarikh penyampaian notis seperti yang disebut terdahulu, Lembaga boleh—

(a) dalam hal subseksyen (1)(a), (b) dan (c), mensurcraikan terhadap orang itu sejumlah wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut, atau apa-apa bayaran yang tidak sepatutnya dibuat, atau kekurangan dalam, atau pemusnahan harta yang dilakukan; dan

(b) dalam hal subseksyen (1)(d) dan (e), mensurcraikan apa-apa jumlah wang terhadap orang itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pemberi-
tahuan
surcraj.

17E. Lembaga hendaklah memberitahu orang yang disurcraikan berkenaan dengan surcraj yang dikenakan di bawah seksyen 17D(3).

Penarik-
balikan
surcraj.

17F. Walau apa pun seksyen 17D(3) dan 17E, Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcraj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika ternyata selainnya bahawa tiada surcraj patut dibuat, dan Lembaga hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang yang disurcraikan akan penarikbalikan itu.

Mendapatkan 17D. Amaun apa-apa surcaj yang dikenakan di
surcaj. bawah seksyen 17D(3) dan tidak ditarik balik di
bawah seksyen 17F hendaklah menjadi hutang
yang kena dibayar kepada Lembaga daripada
orang yang terhadapnya surcaj itu dikenakan
dan boleh didakwa dan diperdapatkan di dalam
mana-mana mahkamah atas guaman Lembaga
dan boleh juga, jika diarahkan sedemikian oleh
Lembaga, diperdapatkan melalui potongan—

(a) daripada gaji orang yang disurcajkan;
atau

(b) daripada pencen orang yang disurcajkan,

dengan ansuran bulanan yang sama banyak yang
tidak melebihi satu perempat daripada jumlah
gaji atau pencen bulanan, mengikut mana-mana
yang berkenaan, orang itu.

Keanggotaan 17H. Dalam apa-apa tindakan surcaj terhadap
Lembaga dalam kes Pengurus Besar, keanggotaan Lembaga bagi
khas. maksud seksyen 17D dan 17G tidaklah termasuk
Pengurus Besar."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Kemajuan
Wilayah Pulau Pinang 1983 ("Akta").

2. *Fasal 1* bertujuan mengadakan peruntukan bagi perkara permulaan.

3. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan memasukkan
takrif "pegawai perakaunan".

4. *Fasal 3* bertujuan memasukkan seksyen baru 17A, 17B, 17c,
17D, 17E, 17F, 17c dan 17H. Seksyen baru 17A yang dicadangkan
bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan jawatankuasa
tata tertib bagi kategori yang berlainan pegawai-pegawai dan
pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga. Seksyen baru 17B yang
dicadangkan bertujuan membenarkan rayuan dibuat kepada Menteri
atau Jawatankuasa Rayuan Tata tertib, mengikut mana-mana yang
berkenaan, terhadap keputusan jawatankuasa tata tertib. Seksyen baru

17c yang dicadangkan bertujuan memberi kuasa kepada Lembaga, dengan kelulusan Menteri, untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengadakan peruntukan mengenai kesalahan dan hukuman tatatertib. Seksyen baru 17D, 17E, 17F dan 17G adalah berhubungan dengan pengenaan surcaj terhadap mana-mana orang yang sedang atau telah bekerja dengan Lembaga. Seksyen baru 17H yang dicadangkan bertujuan memperuntukkan dalam apa-apa tindakan surcaj terhadap Pengurus Besar, komposisi Lembaga bagi maksud seksyen 17D dan 17G tidak termasuk Pengurus Besar.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U²) 1720.]